

# Lelaki ceroboh rumah orang dipenjara 10 bulan

**KUCHING:** Mahkamah Majistret hari semalam menjatuhkan hukuman penjara 10 bulan terhadap seorang lelaki berusia 27 tahun selepas mengaku bersalah melakukan pencerobohan rumah pada Isnin.

Mohd Syafiq Abdul-lah membuat pengakuan bersalah di hadapan Majistret Ling Hui Chuan atas pertuduhan di bawah Seksyen 448 Kanun Keseksaan.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga tiga tahun, denda sehingga

RM5,000, atau keduanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mohd Syafiq menceroboh sebuah rumah milik lelaki berusia 64 tahun di Jalan Sultan Tengah di sini kira-kira jam 1.30 pagi pada 16 September 2024.

Berdasarkan fakta kes, pemilik rumah mendapati seorang lelaki tidak dikenali memasuki rumahnya melalui tingkap bilik air.

Sejurus menyedari kehadiran pemiliknya, dia segera melarikan diri dari rumah berkenaan.

Pemilik rumah membuat laporan polis untuk tindakan lanjut.

Pada hari yang sama kira-kira jam 2.55 pagi, polis menahannya selepas menerima laporan itu.

Ketika ditahan, Mohd Syafiq ditemui dalam keadaan lebam dipercayai dipukul orang awam.

Siasatan mendapat dia memasuki rumah tersebut tanpa kebenaran pemilik dan berniat jenayah.

Pendakwaan kes oleh ASP Arman Ibrahim manakala Mohd Syafiq tidak diwakili peguam.